



Hasidi di hadapan Maju Therapy Zone di Mawani MARA, Kuala Lumpur.



Hasidi menunjukkan teknik urutan (konsorsium di pusat urutan miliknya).

Maju Therapy Zone bukan sekadar satu perniagaan bagi saya, tetapi juga sebagai platform untuk mempelajari kemahiran berurut bagi 'insan' istimewa seperti saya"

**Hasidi Hassan,**  
Pencetus Maju Therapy Zone

## Usahawan buta lebarkan empayar niaga urutan terapi

Miliki tiga cawangan, tawar latihan dan kemahiran percuma kepada golongan senasib



**Oleh Nurhayati Ahlfah**  
nurhayati@fahgroup.com.my

Tukarkan kekurangan menjadi di satu kelebihan. Itu adalah kata amsal yang dipegang Hasidi Hassan, 50, sehingga kini sepanjang menguruskannya perniagaannya.

Meskipun cacat penglihatan akibat berakutansi 13 tahun lalu, Hasidi yang buta sepenuhnya kini antara usahawan orang kelainan upaya (OKU) bergaya yang menguruskannya pusat rawatan urutan terapi memerusi rasiastanya, Maju Therapy Zone.

"Saya sebenarnya dilahirkan normal. Namun akibat kemalangan pada 1985, mata saya terkena percikan kaca yang akhirnya meragut data penglihatan saya."

**Cari jalan terus belajar**

"Ketika itu, dirisaukan dunia saya sudah berakhir, apatah lagi saya adalah seorang pemuda. Akibat berakutansi, saya terpaksa mencari pekerjaan sebagai juruteknik di syarikat pengeluar kenderaan nasional, Proton."

"Secepat kematangan itu, saya

berhenti kerja dan perlu melakukan kehidupan baharu sebagai seorang cacat penglihatan". Inilah ketika ditrensi Nadhir di Kuala Lumpur, tero-baru ini.

Mengalau berdepan pemubahan yang sukar, beliau akhirnya reda dengan ketetapan takdir dan beres-beres memperbaiki diri dan mencari jalan untuk terus 'hidup'.

"Mula-mula saya terfikir untuk menghabiskan sisa kehidupan dengan belajar al-Quran, tetapi saya disedarkan dengan semangat seorang rakan yang mengajak supaya memulakan kekurangan yang saya ada kepada satu kelebihan."

Akhirnya saya mempelajari kemahiran mengurut dan mula berjinjak dengan perniagaan secara kecil-kecilan yang menawarkan perkhidmatan urutan terapi.

"Saya mempelajari kemahiran itu di beberapa pusat urutan terbenal di luar negara, sebelum menyambung belajar menarijut dengan beberapa pakar di Universiti Beging Hospital Massage secara berterusan bermula 2004 hingga sekarang," katanya.

Takut dengan kepupusan diri, Hasidi akhirnya membenarkan diri membuka perniagaan sendiri dengan seorang rakan kongsi, Siti Hadijah Abu Bakar, 40, yang juga senasib dengan beliau (cacat penglihatan).

**Kumpul kemahiran secara percuma**

Bermudahan simpanan rezabri dan bantuan rakan kongsi, Maju Therapy Zone akhirnya berpelembang pada 2004 dan kini memiliki tiga cawangan di Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman (cawangan pertama), Maju Junction Mall, dan Hospital Tun Hussein Onn.

Hasidi berkata, selain menyediakan perkhidmatan urutan terapi kepada pelanggan, Maju Therapy Zone juga menyediakan khidmat latihan dan kemahiran kepada OKU cacat penglihatan terutama golongan muda untuk mempelajari teknik urutan yang betul.

"Maju Therapy Zone bukan sekadar satu perniagaan bagi saya, tetapi juga sebagai platform untuk mempelajari kemahiran berurut bagi insan 'istimewa' seperti saya. Saya dan Siti Hadijah sentiasa bersedia untuk berkongsi kemahiran yang kami ada untuk membantu mereka berminat, secara percuma."

"Pelajar yang sudah mahir diberi

peluang bekerja bersama kami dengan bayaran gaji berpatutan. Setakat ini, kebanyakan pelanggan berpusat dengan khidmat yang ditawarkan, malah ada pelanggan dari luar negara seperti United Kingdom, China, Brunei, Singapura berulang kali mendapatkan rawatan di pusat kami," katanya.

Berkongsi perancangan masa depan, Hasidi berkata, beliau berhasrat untuk memperluaskan operasi perniagaannya dan mengesetupasi pusat berpotensi seperti di hospital, lapangan terbang dan pusat beli-belah untuk membuka rangkaian cawangan baharu.

"Saya juga berhasrat untuk membuka satu pusat urut terapi yang khusus bagi kecederaan ahli sukan, di negara ini serana setakat ini perkhidmatan kami turut menerima maklum balas sangat positif daripada ahli sukan yang tercedera ketika berolahraga."

"Meskipun penglihatan kami gelap, kehidupan kami tidak 'sebelum' seperti diungkapkan. Kami sentiasa berusaha mencari pendapatan sendiri dan berbangga dengan keilmuannya ini, kami dapat membantu menyelesaikan banyak masalah dalam kalangan pelanggan kami," katanya.